# DASAR ALAM SEKITAR
# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

**Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)** sentiasa berusaha memupuk kesedaran tentang pentingnya pengurusan alam sekitar kepada warga MBIP dan pihak berkepentingan yang lain.

Pengurusan Atasan **MBIP** memberikan komitmen yang berikut:

**M** Mengambil langkah melindungi alam sekitar dan pencegahan pencemaran udara, air dan tanah.

**B** Berusaha menguruskan aspek dan impak alam sekitar serta fokus terhadap pengurusan sumber dan sisa.

**I** Inisiatif peningkatan sistem pengurusan alam sekitar yang berterusan bagi menambah baik prestasi alam sekitar.

**P** Pematuhan kepada undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan alam sekitar menerusi penentuan dan penilaian pematuhan.

Dasar ini menjadi teras kepada semua warga MBIP dalam memupuk budaya yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, serta sentiasa dikemas kini sejajar dengan kehendak teknologi terkini, prosedur kerja, keperluan undang-undang dan peraturan lain. Dasar ini hendaklah disampaikan kepada warga MBIP dan boleh diguna pakai oleh pihak berkepentingan mengikut kesesuaian.

**(HAJI HASRIN KAMAL BIN HASHIM)**
**Datuk Bandar**
**Majlis Bandaraya Iskandar Puteri**
**3 November 2025**